

11 OCT 2003

Mahathir-InventQjaya

DR MAHATHIR RASMI MAKMAL R&D MEGA MALAYSIA

PUTRAJAYA, 11 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini merasmikan makmal Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) mega pertama Malaysia, InventQjaya Sdn Bhd (IQJ), yang direka bentuk bagi mempercepatkan proses melahirkan ekonomi pengetahuan bertaraf dunia di negara ini.

Sejurus tiba, Perdana Menteri melepaskan IQJ-MeVictory, sebuah kereta pengeluar yang diubahsuai dengan dijana oleh bahan bakar logam, yang akan menempuh perjalanan dari Cyberjaya ke Alor Star bersempena perasmian itu.

Kenderaan itu akan cuba memecahkan rekod perjalanan sejauh 344.67km yang dilakukan Reveo di New York sebelum ini.

Perasmian makmal itu akan membuka laluan bagi Malaysia untuk menyertai negara-negara lain dalam mencipta dan menghasilkan teknologi tinggi.

Bertempat di kawasan serba canggih seluas 28,000 meter persegi di Cyberjaya, IQJ merupakan usahasama antara kerajaan Malaysia dan Reveo Inc dari Amerika Syarikat.

Sebagai peneraju utama, IQJ adalah sejajar dengan Wawasan 2020 yang berasaskan Sains dan Teknologi.

Misi syarikat itu ialah untuk mencipta, memperbaharui dan menghasilkan penemuan untuk Malaysia, meletakkan IQJ di seluruh dunia sebagai tempat untuk melakukan penyelidikan, merekacipta industri baru, mengeksport Sains, Teknologi serta barangan "Buatan Pertama di Malaysia" ke seluruh dunia, memastikan model perniagaan IQJ bersesuaian dengan Wawasan 2020 dan menepati tema "Globalisation By Location."

IQJ mensasarkan untuk menarik saintis dan penyelidik Malaysia agar pulang dari luar negara. Dengan menggunakan model perniagaan "InventQbation" yang unik, mereka akan membantu melahirkan syarikat-syarikat baru berasaskan barangan "yang dibuat di Malaysia terlebih dahulu."

Pada masa ini, syarikat itu mempunyai 35 ahli sains dan pakar teknologi yang sebahagian besarnya dari Malaysia. IQJ dijangka mempunyai 85 ahli sains menjelang penghujung tahun ini.

Makmal itu diilhamkan oleh Dr Mahathir selepas beliau melakukan lawatan ke makmal Reveo di Elmsford, New York.

Dr Mahathir tertarik dengan keunikan model perniagaan "InventQbation", yang memberikan penekanan terhadap usaha melahirkan rekaan supaya tidak bergantung kepada pihak lain dari segi kewangan.

Januari lepas, Dr Mahathir mengumumkan perasmian makmal "Fast Track" di sini sebagai permulaan kepada pembentukan IQJ.

Sejak itu, Reveo telah memindahkan lapan pakar teknologi yang diwakili oleh 30 paten. Syarikat itu mempunyai enam permohonan paten yang baru dikemukakan dan lima pemindahan teknologi dari Reveo sebagai tanda persahabatan -- termasuk penggunaan nano-teknologi bagi tingkap yang bersih secara sendiri.

Tiga buah syarikat -- MeFree, Rural Electrification dan IQHarvest -- sedang menjalani "InventQbated".

-- BERNAMA

SM HS MKO TS ROS